

# Membedah pemikiran Dr. Mahathir

Oleh AZMAN ANUAR

**B**ANYAK orang beranggapan pemikiran Perdana Menteri adalah pragmatik tetapi ia juga sukar diduga. Membedah pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ini, pada pandangan Pengerusi Kumpulan Guthrie, **Tan Sri Musa Hitam**, Perdana Menteri seorang yang tidak berhenti daripada mengeluarkan berbagai-bagai idea.

“Cara pemikirannya, saya capkan sebagai pemikiran rapid fire. Bertubi-tubi mengeluarkan idea. Idea beliau tidak keluar ‘bang’ sekali tetapi berkali-kali hingga kita kelam-kabut dan kadang-kadang menghadapi masalah,” jelas Musa yang pernah digandingkan dengan Dr. Mahathir hingga dilabel kepimpinan 2M (Mahathir-Musa) ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1980-an.

Menurut Musa, masalah yang pertama ialah bagaimana hendak memahami idea Dr. Mahathir. Sebelum dapat menyerap ideanya itu, datang lagi idea-idea baru.

Cara beliau menyampaikan ideanya begitu banyak. Idea-idea baru sudah dikeluarkannya sejak beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi. Tetapi lebih menonjol apabila beliau menjadi Perdana Menteri.

“Oleh sebab begitu banyak idea hinggakan yang menjadi masalah bukan kepada beliau dan rakyat, tetapi lebih kepada menteri kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan,” cerita Musa yang ditemui di kediamannya di Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

“Cara beliau begitu provokatif. Semasa saya dalam kabinet dahulu, beberapa kali ada ahli kabinet tidak faham idea yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir. Malah ada orang mengatakan idea merepek. Tetapi apabila idea itu dilaksanakan, pada waktu itu baru kita sedar idea itu adalah bernas, baik dan berguna. Dr. Mahathir bukan saja seorang idealis tetapi juga pelaksana.

“Pada pandangan saya kalau zaman globalisasi ini orang Melayu tak faham juga dan tidak mahu berubah maka mereka akan ketinggalan. Apa yang mengecewakan Dr. Mahathir ialah orang Melayu tidak faham-faham, ini yang membuat beliau marah dan kecewa.

Tetapi sudah pasti pemikiran Dr. Mahathir tentang Melayu ini menjadi kontroversi. Pada Musa, kontroversi ini suatu realiti yang bukan suatu masalah untuk Dr. Mahathir menghadapinya.

“Seumur hidupnya Dr. Mahathir tidak pernah mengelakkan diri daripada kontroversi dan krisis. Dan alhamdulillah, setakat ini beliau dapat menanganinya dengan cara beliau sendiri dan beliau mendapat sokongan daripada parti dan rakyat pada keseluruhannya,” jelas Musa.

Pemikiran dan harapan Dr. Mahathir kepada orang Melayu ini mungkin tinggi dan ini menyebabkan mereka tidak mampu mengejar sebab mereka sendiri masih bertungkus lumus menghadapi cabaran hidup.

Pemikiran Dr. Mahathir begitu jauh ke depan. Ini dengan sendirinya menimbulkan masalah. Musa berpendapat, masalahnya berpunca kerana idea Dr. Mahathir itu tidak dapat dilaksanakan sebab terlampau jauh maju ke hadapan.

Kedua pemikirannya kurang dapat difahami. Ketiga kurang dapat diterima oleh sesetengah pihak dan keempat dengan secara tidak lang-

sung ia tidak dapat dilaksanakan.

“Akibat daripada semua ini apa saja idea yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir banyak tidak dapat dilaksanakan dan beliau sendiri yang berasa sangat buntu dan kecewa,” katanya.

Malah, perkara seumpama ini yang kerap diulang-ulang oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya. Ada orang kata bosan mendengar ucapannya. Tetapi tujuan, hasrat dan matlamat Mahathir tidak mudah luntur. “Selagi tidak sedar, selagi itu diulang. Cara Dr. Mahathir seperti siaran iklan, walaupun (ideanya) nampak mengarut tetapi bila diulang selalu kita mudah mengingatinya, begitu juga dengan ucapan Dr. Mahathir. Ini saya rasa cara untuk memberi kesan dalam pemikiran rakyat,” kata Musa.


### Berani

Dr. Mahathir memiliki sifat semula jadi yang tidak malu atau segan, malah berani memprovokasi pemikiran rakyat negara ini.

Kelemahan Dr. Mahathir di kalangan orang Melayu ialah banyak pihak yang menganggap cara beliau mengkritik atau menegur bukan mengikut cara Melayu. Cara Melayu lemah lembut, berlapik ketika bercakap.

Tetapi Dr. Mahathir berpendapat cara untuk membangkitkan kesedaran orang Melayu ialah dengan cara provokasi, biar mereka memikir dan sedar akan kelemahan-kelemahan diri. Apa yang dikatakan cara Melayu jelas tidak berjaya setelah dicuba beberapa lama, malah orang Melayu masih berkhayal.

Pada tafsiran Musa, walau bagaimana orang mengkritik Perdana Menteri, sekurang-kurangnya beliau membuka minda di kalangan orang

 **Dr. Mahathir**  
memiliki sifat  
semula jadi yang  
tidak malu atau  
segan, malah berani  
memprovokasi  
pemikiran rakyat  
negara ini

Melayu. Pemikiran dan ideanya dipersoal, dibahas dan dibincangkan di kalangan orang Melayu. Akhirnya ini akan mendatangkan hasil.

Sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas menggantikan Tun Hussein Onn pada 1981, Dr. Mahathir terus menjana budaya keusahawanan yang mana beliau ilhamkan daripada ideanya di dalam dua buku utama penulisannya yang terkenal *Malay Dilemma* (1970) dan *Menghadapi Cabaran* atau *Facing the Challenge* (1978).

Dalam buku *Malay Dilemma*, beliau menggariskan masalah sebenar sebab orang Melayu ketinggalan dan beliau memberi beberapa idea bagaimana masalah itu boleh diatasi melalui unsur-unsur ideologi keusahawanan yang dicadangkannya, termasuk keyakinannya bahawa usahawan ialah batu loncatan kepada pemodenan.

Dalam buku *Menghadapi Cabaran* pula ia berasaskan pengalaman Dr. Mahathir sebagai pengerusi agensi kerajaan yang mengurus pemasaran keluaran pertanian (ini selepas beliau dipecat oleh Tunku Abdul Rahman daripada UMNO, 1970). Buku ini membincangkan idea beliau dalam memberi panduan secara terperinci, bagaimana orang Melayu boleh menjadi usahawan yang berjaya dan berkesan.

Kini diakui idea Dasar Ekonomi Baru sebahagiannya turut mengambil cadangan dan pemikiran beliau di dalam buku *Malay Dilemma*.

Menurut Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin**, dasar kerajaan yang dicadangkan oleh Dr. Mahathir selama ini kebanyakannya berasaskan idea keusahawanannya.

Dari situ lahir konsep ‘Malaysia Boleh’. Ia pada awalnya berteraskan daripada ‘Melayu Boleh’ yang mana Dr. Mahathir mencabar usahawan Melayu untuk berdaya saing dengan bukan Melayu. Kini konsep itu digunakan secara meluas untuk semua bidang secara umum.

“Kalau nak dikaitkan Malaysia Boleh, Persyarikatan Malaysia, kemudian Wawasan 2020 boleh disimpulkan ia berasaskan konsep keusahawanan ini,” kata Prof. Shamsul Amri.

Perdana Menteri tidak bercakap kosong mengenai dunia perniagaan

atas alasan beliau seorang doktor perubatan. Keusahawanan dalam diri Dr. Mahathir telah dibina kesan pengalamannya sebagai doktor swasta. Daripada penyelidikan Prof. Shamsul Amri tentang latar belakang Dr. Mahathir, beliau pernah melibatkan diri dalam bidang pelaburan hartanah, kereta dan perkhidmatan awam.

Penganalisis sosio-politik ini menganggap Dr. Mahathir sebagai seorang pejuang perintis (*frontier fighter*). "Beliau percaya pada sesuatu idea dan beliau akan ikut idea itu sampai selesai. Beliau tidak kira halangan. Beliau ingin saksi hujungnya. Inilah pejuang perintis.

#### Halangan

"Dalam menghadapi cabaran itu banyak halangan ditempuhi dan kita tidak tahu apa yang akan terjadi di hadapan. Sebab tidak nampak lagi apa yang akan berlaku. Tapi orang berjiwa pejuang perintis ini mesti ada asas idealisme, pengetahuan dan pengalaman. "Beliau bukan main teka-teka dan memperjudikan nasib. Maknanya pejuang perintis mengisi perjuangannya itu dengan pengetahuan dan idealisme," kata Prof. Shamsul Amri.

Beliau menambah, apa yang mendorong cita-cita perjuangan Dr. Mahathir ialah keusahawanan Melayu. Perdana Menteri ingin melihat ramai orang Melayu yang sanggup berkorban untuk mencapai cita-cita dalam apa saja yang diceburinya, khususnya bisnes dan pendidikan.

Pengarah ATMA itu berpendapat, pemikiran Dr. Mahathir tidak bermula semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Inilah kesilapan kita tentang pemikiran Mahathir. Kita beranggapan pemikiran beliau terhadap pembangunan ekonomi negara datang secara ajaib.

"Tidak, beliau telah lama mula menceburi bidang keusahawanan. Latar belakang yang kaya itu yang memberi tapak untuk beliau mengembangkannya dan kemudian timbul idealismenya," kata Prof. Shamsul Amri.

Bagaimanapun idea dan pemikiran beliau tidak begitu mudah diterima masyarakat begitu sahaja. Ada yang menentang dan membantah idealisme Dr. Mahathir. Ini kerana ibarat beberapa orang buta yang memegang seekor gajah. Mereka tidak memegang semua badan gajah tetapi meraba bahagian-bahagian tertentu.

"Ini masalahnya pada kita, sedangkan Mahathir sudah pegang semua badan gajah. Inilah konsep dipegang pengkritik yang kadang-kadang ada kepentingan diri, kekecewaan, konflik dan tidak setuju dengan Mahathir secara intelektual. Yang selalu kita lihat penentang pemikiran Mahathir ini adalah berpunca daripada agenda peribadi," komen Pengarah ATMA itu lagi.

Bagi Dr. Mahathir apa sahaja yang ingin dilakukannya, kepentingan rakyat harus dijaga.